

JSAHMS laluan alternatif untuk pengguna

SINAR M6: 26
25.2.2021

GEORGETOWN - Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JSAHMS) sentiasa bersedia menerima pengguna jalan raya yang ingin ke bahagian pulau dan seberang susulan berlaku kebakaran kabel elektrik di Jambatan Pulau Pinang.

JSAHMS dalam kenyataan memaklumkan, sebagai laluan alternatif ke bahagian utama pulau seperti Batu Maung, Bayan Lepas, Balik Pulau dan George Town, JSAHMS menyediakan lapan lorong yang merangkumi perkhidmatan Smart Tag, Touch N Go dan RFID.

“Susulan insiden kebakaran



Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada petang Isnin, Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) selaku pemegang konsesi JSAHMS sentiasa bersedia menerima pengguna jalan raya.

“Dengan kadar tol hanya RM 5.74 (untuk kelas satu sahaja; kenderaan persendirian atau penumpang), JSAHMS merupakan pilihan untuk pengguna keluar masuk dari atau ke bahagian

pulau,” katanya pada Rabu.

Tambahnya, JSAHMS juga merupakan 'direct dual carriageway' yang menghubungkan secara terus Batu Kawan ke bahagian utama pulau dan menghubungkan Batu Kawan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

“Pengguna tidak perlu menepuh kesesakan jalan raya yang serius. Bagaimanapun, tidak dinafikan, JSAHMS terletak lebih jauh daripada modalintasan yang lain, namun jika dipertimbangkan dari segi kesenangan pengguna, JSAHMS merupakan alternatif terbaik.

“Memunyai kepanjangan

16.9 kilometer di atas laut, akses yang mudah untuk ke JSAHMS dari Batu Kawan atau Lebuh Raya Utara Selatan adalah dengan mengikuti susur keluar atau Exit 157: E28 Persimpangan JSAHMS,” katanya.

Katanya, JSAHMS turut mempunyai laluan khas motosikal dan tiada larangan masa bagi kenderaan berat.

Dalam kejadian pada Isnin, TNB mengesahkan kebakaran di Kilometer 3.2 Jambatan Pulau Pinang melibatkan kabel 132 kilo volt (kV) dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Tengah ke Bayan Mutiara.